

FESTIVAL MERAKYATKAN SENI BUDAYA MAH MERI @SELANGOR 2023

PULAU CAREY, SELANGOR, 2 SEPTEMBER 2023 - Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Selangor dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Kerajaan Negeri Selangor sedang menganjurkan program **Festival Merakytakan Seni Budaya Mah Meri @Selangor 2023 (FMSB)** yang berlangsung bermula 1 September hingga 3 September 2023 (Jumaat - Ahad) bertempat di Perkarangan Pusat Kraf Orang Asli, Kampung Sungai Bumbun, Pulau Carey, Banting, Selangor.

Festival Merakytakan Seni Budaya (FMSB) Mah Meri @Selangor 2023 bertujuan mengetengahkan keunikan dan kepelbagaian seni budaya bagi masyarakat orang asli Mah Meri yang berada di Negeri Selangor. Festival Merakytakan Seni Budaya Mah Meri @Selangor 2023 pada kali ini menampilkan keunikan seni daripada lima (5) buah kampung yang terdapat di perkampungan orang asli

Pulau Carey iaitu Kampung Orang Asli Kepau Laut, Kampung Orang Asli Sungai Rambai, Kampung Orang Asli Sungai Kurau, Kampung Orang Asli Sungai Bumbun dan Kampung Orang Asli Sungai Judah.

Pelbagai pengisian menarik yang mampu memberikan satu pengalaman yang indah kepada pengunjung antaranya adalah pameran, demonstrasi makanan dan kraftangan orang asli Mah Meri, pertandingan *Battle of The Band*, Pertandingan Ratu Gadek dan Pahlawan Orang Asli, Pertandingan Busana Kreatif Orang Asli, Pertandingan Permainan Orang Asli dan Sukan Rakyat. Selain itu, Bengkel Tarian, Vroom-vroom Konvoi Sahabat Budaya Jualan Makanan dan Minuman, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak dan Mah Meri *Fun Run*, *Happy Games*, Pemeriksaan Kesihatan, Derma Darah dan Pemeriksaan Gigi antara aktiviti lain yang turut diadakan. Manakala, Malam Gala 'Temasya Gegar Tuntung' pula menampilkan persembahan daripada artis tempatan iaitu Haqiem Rusli dan Kumpulan muzik Orang Asli Mijo Band.

Menariknya festival kali ini adalah penghasilan lukisan mural yang dilukis di dinding dua (2) buah kontena bersaiz 8' x 20'. Lukisan mural ini bertemakan keunikan seni dan budaya masyarakat Mah Meri yang dihasilkan oleh Encik

Shaq Koyok yang merupakan pelukis terkenal masyarakat orang asli dari suku kaum Temuan yang mempunyai pengalaman dalam lukisan seni visual di Malaysia dan antarabangsa. Lukisan Mural di dinding Kontena ini telah diletakkan di dalam perkarangan Pusat Kraftangan Orang Asli, Sungai Bumbun dan ianya menjadi salah satu ikon dan daya tarikan baharu bagi sektor pelancongan kepada masyarakat orang asli dan pelancongan negeri Selangor amnya.

Dalam pada itu, bagi memastikan ekosistem kesenian dan kebudayaan di negara ini terus kekal berdaya saing dan diperkasa pada tahun 2023, **Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK 2023)** MOTAC telah diteruskan selari dengan matlamat dan nilai teras MADANI. Sehingga 19 Ogos 2023, **sebanyak 127 permohonan** telah mendapat kelulusan di bawah Jawatankuasa Panel Pelulus Geran Sokongan Sektor Kebudayaan dengan **jumlah RM 9, 675,000.00**.

Program bersama masyarakat orang asli Mah Meri ini diharapkan dapat memberikan impak baharu kepada penyemarakan dan pemeliharaan seni budaya bagi masyarakat orang asli Mah Meri serta mampu memberi impak kepada pendapatan usahawan tempatan selain

menjadi salah satu destinasi pelancongan yang menarik mewarnai industri pelancongan budaya negeri Selangor.

Untuk maklumat lanjut mengenai FMSB Mah Meri @Selangor 2023 orang ramai boleh layari laman sesawang www.jkkn.gov.my atau laman sosial www.facebook.com/mysenibudaya dan www.facebook.com/jkkn Selangor official

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-8091805
---	--